

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 1976

DASAR PEMBAHAGIAN/PINDAHMILIK LOT-LOT TANAH DALAM SATU-SATU RANCANGAN PERUMAHAN

Dalam masa-masa yang akhir ini ada beberapa rancangan perumahan telah diusahakan oleh pihak-pihak tertentu dalam Negeri Kelantan ini sama ada secara kecil-kecilan atau sederhana. Pihak-pihak yang tertentu itu termasuklah mereka-mereka yang di bawah ini:-

- a) Tuan tanah itu sendiri yang terdiri dari orang Melayu;
- b) Tuan tanah itu sendiri yang terdiri dari orang bukan Melayu;
- c) Badan-badan, Kesatuan atau Syarikat Perumahan;
- d) Kerajaan Negeri sendiri atau melalui PKINK.

2. Bagi tanah-tanah yang telah sedia termasuk di bawah 'jenis BANGUNAN' tuan tanah yang berkenaan bolehlah memecahkan sempadan tanah itu menjadi lot-lot perumahan dengan kelulusan Pemungut Hasil Tanah, jika tanah itu didaftarkan di bawah Hakmilik Pejabat Tanah dan dengan kelulusan Pengarah Tanah dan Galian, jika tanah itu didaftarkan di bawah Hakmilik Pejabat Pendaftaran. Dalam kes yang seperti ini kebenaran M.M.K tidak diperlukan.

3. Bagi tanah PERTANIAN pula sebelum tanah itu dibenar untuk dimajukan sebagai Kawasan Perumahan, tuan tanah yang berkenaan dikehendaki membuat permohonan bagi timbangan M.M.K untuk mengubah syarat dari jenis kegunaan tanah di bawah Sek.124 KTN supaya menjadi tanah Bangunan.

4. Selepas mendapat kelulusan dari M.M.K bagi menukar tanah itu kepada tanah Bangunan maka pelan lay-out untuk pecahan tanah itu kenalah diangkat bagi timbangan dan kelulusan P.H.T jika tanah itu didaftar di bawah Hakmilik Pejabat Tanah dan Pengarah Tanah dan Galian jika tanah itu didaftar di bawah Hakmilik Pejabat Pendaftaran. Tetapi walau bagaimanapun, telah menjadi kebiasaan bahawa permohonan untuk memecah lot tanah di bawah Sek.135 KTN diangkat bagi timbangan M.M.K bersekali dengan permohonan untuk menukar syarat dan jenis kegunaan tanah di bawah Sek 124 KTN.

5. Baru-baru ini satu persoalan telah timbul tentang kadar pindahmilik atau penjualan lot-lot dalam satu –satu rancangan perumahan di mana kawasan itu terletak di dalam Kawasan Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu.

6. M.M.K yang bersidang pada 12.2.1976, selepas menimbang Kertas Bil.3/78/76/(21) telah menetapkan sebagai dasar bahawa kadar pindahmilik bagi lot-lot kediaman atau lot-lot gudang dalam satu rancangan perumahan bagi tanah-tanah yang terletak dalam Kawasan Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu kadarnya hendaklah seperti berikut:-

a) Tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu:

Kadarnya:

100% kepada orang Melayu.

b) Tanah-tanah yang dimiliki oleh orang bukan Melayu:

Kadarnya:

i) 40% Bukan Melayu)
60% Melayu) Lot-lot Kediaman

- ii) 50% Bukan Melayu)
50% Melayu) Lot-lot perniagaan
- c) Tanah kepunyaan satu-satu syarikat, badan-badan atau kesatuan:
 - Kadarnya:**
 - i) Kalau tanah itu dimiliki oleh badan-badan Melayu kadarnya : 100% kepada orang Melayu.
 - ii) Kalau tanah itu dimiliki oleh badan bukan Melayu kadarnya:
 - 30% Bukan Melayu)
70% Melayu) Lot-lot Kediaman
 - 50% Bukan Melayu)
50% Melayu) Lot-lot perniagaan
 - d) Kerajaan Negeri melalui PKINK
Kadarnya : terserah kepada timbangan M.M.K
 - e) Usahasama Kerajaan Negeri/Kerajaan Pusat /PKINK/Swasta/Badan-badan Tertentu/Perseorangan.

Kadarnya : Terserah kepada timbangan M.M.K

7. Oleh itu semua Pemungut Hasil Tanah diminta mengambil ingatan mengenai dasar tersebut di atas dan dasar ini hendaklah diberitahu kepada pihak-pihak yang berkuasa (seperti tuan tanah atau pihak pemaju sesuatu Rancangan Perumahan) semasa meluluskan sesuatu permohonan pecah sempadan atau pecah bahagian sesuatu lot tanah untuk Rancangan Perumahan.

8. Perkara ini telahpun dibentang dan dibincang dalam Mesyuarat Pemungut Hasil Tanah di Pejabat Jajahan, Bachok pada 23.3.1976.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

PTG. Kn. 11575/(5).

BERTARIKH : 29HB MAC 1976

KEPADA:

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan
Penolong Pemungut Hasil Tanah , Kelantan.

SALINAN KEPADA:

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
Semua Pegawai-pegawai Jajahan Kelantan.
Juru Audit Negeri Kelantan.
Pegawai Tadbir, L.K.T.N Kelantan.
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.